

05 SEP 1997

KERAJAAN SEDIAKAN PERUNTUKAN MODAL KHAS UNTUK USAHAWAN WANITA

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Usahawan pada dasarnya bersetuju mengadakan satu peruntukan modal khas dan mengadakan program pembangunan keusahawanan untuk wanita.

Menteri berkenaan Datuk Mustapa Mohamed berkata perbincangan sudah diadakan dengan Biro Usahawan Pergerakan Wanita Umno mengenai penyediaan program pembangunan usahawan khusus untuk wanita itu.

Beliau mengulas isu pembangunan usahawan wanita termasuk peluang penyertaan dan peruntukan modal bagi mereka yang dibangkitkan oleh Pergerakan Wanita Umno semalam.

Langkah itu adalah antara usaha yang sedang diambil untuk memastikan lebih banyak penyertaan usahawan wanita dalam kegiatan ekonomi, katanya kepada pemberita selepas perasmian Perhimpunan Agung Umno 1997 oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Selain peruntukan khas itu, peruntukan juga disediakan untuk mereka daripada Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil, katanya.

Menyentuh kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham serta tindakan kerajaan mengurangkan barangan import khususnya jentera berat, beliau berkata apa yang berlaku mempunyai hikmah.

"Usahawan tempatan perlu mengenalpasti barang-barang yang banyak diimport. Ini merupakan peluang baru untuk diterokai usahawan tempatan sama ada mengeluarkan atau mengubahsuai barangan itu," katanya. -- BERNAMA

HS RON